

Belum terima cadangan beli QSR

CYBERJAYA 12 Jan. - Tabung Haji (TH) hari ini berkata, tiada sebarang cadangan diterima daripada mana-mana pihak berkaitan pembelian QSR Brands Bhd. (QSR).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail berkata: "Sekira adanya (cadangan), kami perlu menilai dan memutuskannya. Pengumuman akan dibuat selepas semua perkara ditimbang."

"Tetapi, pada masa ini, tiada sebarang maklumat lanjut mengenai transaksi itu," kata beliau sambil berkata, pihaknya belum lagi didatangi oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

Ismee berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar bahawa DPMM akan mendapatkan kerjasama TH, Felda dan Amanah Saham Mara (ASM) untuk membeli QSR dalam usaha mengekalkan pegangan bumiputera.

Beliau juga berkata, pihaknya tidak mengetahui apa yang dicadangkan oleh DPMM.

Pada 21 Disember, KFC Holdings (M) Bhd. (KFCH) dan QSR telah menerima tawaran ambil alih oleh Johor Corporation Bhd. (JCorp) bersama-sama CVC Capital Partners (CVC) sebuah firma ekuiti swasta antarabangsa untuk mengswastakan KFCH dan

QSR dengan harga RM5.24 bilion, atau RM4 sesaham KFCH dan RM6.80 sesaham QSR.

Presiden DPMM, Syed Ali Al Attas sebelum ini berkata, pihaknya akan menghantar sendiri surat rasmi berkaitan cadangan tersebut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan ketiga-tiga pihak tersebut.

DPMM turut menawarkan diri untuk bertindak sebagai pengendali pembelian QSR itu.

QSR menjadi fokus utama DPMM kerana ia memiliki pelbagai rangkaian perniagaan termasuk KFCH.

Malah, DPMM telah meningkatkan tawaran kepada RM6.90 sesaham, 10 sen lebih tinggi berbanding tawaran yang dibuat oleh Johor Corporation (JCorp) dan CVC Capital Partners.



TABUNG HAJI
حي على الفلاح